

596:

PARLIMEN-SEKOLAH

1975

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA)-JABATAN PELAJARAN SARAWAK SEDANG MENKAJI KEMUNGKINAN MEMBINA LEBIH BANYAK SEKOLAH BARU SERTA TAMBAHAN SEKOLAH DISAMPING MENGADAKAN KELAS-KELAS PAGI DAN PETANG DI SEKOLAH-SEKOLAH BERASRAMA.

SELAIN ITU JABATAN ITU JUGA AKAN MEMULAKAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BANGUNAN-BANGUNAN SEMENTARA DENGAN MENGADAKAN KEMUDAHAN ASRAMA SEMENTARA DI KAWASAN LUAR BANDAR NEGERI ITU.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENJAWAB ENCIK TING LING KIEW (SNAP-BINTULU) DALAM MASA SOAL JAWAB HARI INI BAHAWA LANGKAH-LANGKAH ITU DIAMBIL UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BILIK DARJAH DAN PENGAJARAN SERTA KEMUDAHAN ASRAMA.

DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BAHAWA ANTARA LANGKAH-LANGKAH YANG SEDANG DIAMBIL KEMENTERIANNYA BAGI MENGATASI KEKURANGAN GURU-GURU BAHASA DI SARAWAK TALAH, MENGANTAR LEBIH RAMAI GURU BAHASA DARI SINI KE SARAWAK SERTA MENJALANKAN KURSUS LATIHAN GURU DALAM BAHASA MALAYSIA SELAMA DUA TAHUN DI MAKTAB PERGURUAN BATU LINTANG DAN MAKTAB PERGURUAN REJANG.

SELAIN ITU KURSUS-KURSUS LATIHAN BAHASA MALAYSIA JUGA DIBERIKAN KEPADA GURU-GURU YANG SEDANG BERKHIDMAT DISAMPING MENGADAKAN RANCANGAN PERTUKARAN SEMENTARA PENSYARAH-PENSYARAH BAHASA MALAYSIA UNTUK BERKHIDMAT DI MAKTAB PERGURUAN SARAWAK.

EMPAT ORANG PENSYARAH TELAH PUN DIHANTAR KE MAKTAB PERGURUAN DI SANA. -- BERSAMBUNG HM 1703

597:

PARLIMEN-SEKOLAH 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BAHAWA TIDAK ADA KEKURANGAN BUKU TEKS YANG SEBENARNYA DIPASARAN. APA YANG BERLAKU TALAH KELAMBATAN TIBA BUKU-BUKU YANG DIPESAN SERTA KELAMBATAN BUKU-BUKU ITU DIBAHAGIAN KERANA MASAALAH PENGANGKUTAN.

SEKARANG INI HAMPIR KESEMUA MURID DI SARAWAK TELAH MEMPEROLEHI BUKU-BUKU TEKS MEREKA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KEMENTERIANNYA SEDANG MERANCANG SUPAYA KELAMBATAN DEMIKIAN ITU TIDAK BERULANG PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.-BERNAMA HM 1710